

**Rais Rasmi Pameran Warisan Malaysia Di Paris Pada Selasa  
Bernama  
13 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Keunikan warisan Malaysia, termasuk artifak Lembah Lenggong di Perak, akan dipamerkan di ibu pejabat Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) di Paris, mula Selasa.

Pameran lima hari itu anjuran Jabatan Warisan Negara akan dirasmikan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Kenyataan kementerian hari ini menyebut pameran itu memaparkan warisan sejarah Malaysia yang bermula seawal 1.8 juta tahun yang lepas, di Lembah Lenggong.

Lembah itu dihuni dalam tempoh yang sangat panjang, menjadikannya satu daripada turutan budaya terpanjang di dunia.

Pameran itu turut merangkumi bukti arkeologi terbaru yang menunjukkan bahawa permulaan ketamadunan di Asia Tenggara ditemui di Lembah Bujang, seawal 3,000 tahun lepas, lebih awal daripada bukti yang terdapat di negara-negara jiran.

Antara kemuncak aktiviti yang diketengahkan pada pameran itu ialah warisan tidak ketara Malaysia, iaitu penduduknya sendiri - persembahan wayang kulit, ukiran kayu kaum Mah Meri dan seni sulaman baldu emas.

Baru-baru ini, Malaysia dipilih oleh Unesco untuk menganggotai Jawatankuasa Warisan Dunia dan dilantik sebagai timbalan pengerusi.

Beberapa venue di Malaysia turut disenaraikan oleh Unesco sebagai Tapak Warisan Dunia, termasuk Melaka, George Town, Bandar Bersejarah di Selat Melaka, Taman Kinabalu dan Taman Negara Gunung Mulu.

Teater Mak Yong, suatu bentuk taridra Melayu dari Kelantan yang menggabungkan lakonan, muzik instrumental dan vokal, busana serta gerak tari, berada dalam 'Representative List of Intangible Cultural Heritage of Humanity' sejak 2008.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645187>